

BULETIN UTHM

Bil.8 Ogos 2023 | ISSN 2232-0415



Anugerah Bitara Kirana suntik semangat warga kerja UTHM

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Anugerah Bitara Kirana suntik semangat warga kerja UTHM
- 3 UTHM terima kemasukan hampir 700 pelajar baharu program diploma
- 5 Kolaborasi UTHM-industri tubuh makmal, tingkat kepakaran bidang rel
- 7 UTHM tuan rumah Pertandingan Debat Alam Sekitar, USM raih gelaran juara
- 8 UTHM dan STMicroelectronics jalin kerjasama tubuh Makmal IoT untuk warga universiti
- 10 UTHM sedia ekosistem E-Dagang untuk lahirkan usahawan global
- 12 Pelajar Senibina UTHM raih kemenangan di Architectural Student Workshop 2023
- 13 FKMP, UTHM raih 'Anugerah Inovasi Terbaik' di Malaysia Rocket Competition 2023
- 15 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Anugerah Bitara Kirana suntik semangat warga kerja UTHM

BATU PAHAT - Seramai 449 staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari pelbagai skim dan gred jawatan dirai dalam Majlis Anugerah Bitara Kirana yang berlangsung pada 22 Ogos 2023 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Majlis tersebut menyaksikan seramai 195 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) manakala Anugerah Jasa Bakti (15), Anugerah Taat Setia (160), Anugerah Khas Panel Pembangunan Sumber Manusia (45), Anugerah Inspirasi Cendekiawan (27) dan Anugerah Sukan (46).

Majlis disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad selaku wakil rasmi Setiausaha Kerajaan Johor, Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani yang juga Pro Canselor UTHM.

Dato' Sri Ibrahim dalam ucapannya menyeru warga kerja untuk mengamalkan budaya integriti dan kerjasama berpasukan bagi mendapatkan hasil yang terbaik.

"Ini kerana kedua-duanya mampu memberi impak yang positif bukan sahaja kepada individu, bahkan kepada organisasi yang disertai," katanya.

Beliau dalam ucapannya turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua staf UTHM yang terpilih untuk menerima anugerah.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim turut berpesan kepada warga kampus agar bersaing secara sihat dalam mencipta kejayaan, selain sentiasa meningkatkan kebolehan diri dan melaksanakan tugas yang diberi dengan sehabis baik.

"Saya yakin dan percaya UTHM mempunyai begitu ramai staf daripada golongan Runners mahupun Joggers, lantaran itu pihak universiti akan terus memberi sokongan dan pengiktirafan sewajarnya demi meningkatkan lagi motivasi setiap warga," katanya.

Untuk rekod, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM sebelum ini telah dijenamakan semula sebagai Majlis Anugerah Bitara Kirana bagi memberi nafas baharu kepada identiti UTHM.

Bitara Kirana yang membawa maksud 'sinar yang tiada tara' memberi gambaran kepada apresiasi UTHM terhadap warga kerjanya yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan.

Selain itu, ia juga sebagai penghargaan kepada mereka yang telah memberi khidmat bakti terbaik dalam melaksanakan tugas, mahupun sumbangan lain seperti kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

Majlis anjuran Pejabat Pendaftar itu turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Pegawai-pegawai Kanan Universiti.

"Jadilah warga UTHM yang "BITARA" (tiada tara dan satu-satunya) serta "KIRANA" (bersinar, cantik, elok dan indah) tanpa dikotori persaingan tidak sihat, berhasad dengki, iri hati dan saling menjatuhkan." – Prof. Ruzairi

"Jadilah warga UTHM yang "BITARA" (tiada tara dan satu-satunya) serta "KIRANA" (bersinar, cantik, elok dan indah) tanpa dikotori persaingan tidak sihat, berhasad dengki, iri hati dan saling menjatuhkan." – Prof. Ruzairi





UTHM terima kemasukan hampir 700 pelajar baharu program diploma

PAGOH, 1 Ogos 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini mencatatkan rekod kemasukan hampir 700 pelajar baharu program diploma semester khas sesi pengajian 2023/2024.

Pendaftaran yang dibuat secara fizikal kali ini melibatkan tujuh kursus yang ditawarkan oleh UTHM iaitu Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia, Diploma Sains Gunaan dan Diploma Teknologi Animasi yang mula diperkenalkan pada sesi pengajian ini.

Kesemua pelajar baharu itu akan mengikuti sesi perkuliahan sesi 2023/2024 bermula 6 Ogos ini secara bersemuka bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa yang dijadual berlangsung selama enam hari bermula 31 hingga 3 Ogos ini.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim mewakili universiti mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada kesemua pelajar baharu tersebut.

Beliau dalam ucapannya menekankan tentang pentingnya keutamaan adab dalam memperoleh ilmu.

“Saya menyeru kepada anak-anak pelajara agar sentiasa menjaga adab dengan rakan-rakan, pensyarah, kakitangan universiti dan masyarakat sekeliling.

“Ini kerana adab merupakan nilai paling berharga untuk mencapai ilmu yang berkah kerana adab berupaya mengajarkan kita tentang akhlak,” katanya.

Untuk rekod, program diploma UTHM yang melibatkan tempoh masa pengajian selama dua tahun sembilan bulan itu mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) serta mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Pelajar program diploma di UTHM mempunyai peluang yang tinggi untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah di universiti ini kerana CGPA yang diperlukan sekurang-kurangnya 2.5 sahaja dan tidak perlu bersaing dengan lepasan SPM, matrikulasi mahupun politeknik melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).



Selain itu, lebih 10 bantuan kebajikan telah disediakan oleh pihak universiti bagi membantu para pelajar yang memerlukan agar mereka dapat meneruskan pengajian dengan lancar.

UTHM sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam memenuhi keperluan tenaga kerja bagi pembangunan negara masa kini.

Untuk itu, universiti ini sangat konsisten dalam melahirkan graduan profesional berkemahiran tinggi dan berminda usahawan.

“Oleh itu sebagai seorang mahasiswa di sebuah universiti teknikal berasaskan TVET, saya berharap anak-anak pelajar sentiasa peka dengan sebarang perkembangan ilmu dan teknologi semasa,” pesan Prof. Ruzairi.





Kolaborasi UTHM-industri tubuh makmal, tingkat kepakaran bidang rel

PAGOH, 29 Ogos 2023 - Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin hari ini merasmikan penubuhan dua makmal iaitu Makmal Cybersecurity dan Makmal EDEN Railway Signal Link Simulator serta Automated Fare Collection yang terletak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Cawangan Pagoh.

Kedua-dua makmal yang dibangunkan di bawah Program Industry Collaboration Programme (ICP) itu diuruskan oleh Indra Sistemas, Prasarana dan MRT Corp.

Makmal-makmal tersebut merangkumi teknologi sistem dan simulasi dalam bidang Cybersecurity dan Railway Signalling & Automatic Fare Collection Systems.

Pembangunan makmal-makmal itu juga melibatkan perkongsian dan pemindahan sistem teknologi platform yang telah dimudahcara oleh Technology Depository Agency (TDA) dengan kolaborasi bersama UTHM dan Syarikat Indra Sistemas S.A (Indra) yang berpangkalan di Sepanyol.

Kolaborasi tersebut dijangka dapat meningkatkan kepakaran tempatan dalam bidang rel dan seterusnya melonjakkan UTHM sebagai Hab Pembangunan TVET bagi wilayah selatan.

Terdahulu, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan TDA telah diadakan dalam majlis yang sama.

MoU tersebut akan merintis peluang yang lebih besar kepada kerjasama IPT - industri dalam pemindahan teknologi dan Pembangunan kapasiti di bawah Industry Collaboration Programme (ICP) yang diterajui oleh TDA.

Melalui kerjasama strategik itu, KPT bertanggungjawab untuk menyelaras penyertaan IPT dalam program ICP berdasarkan kepakaran masing-masing.

Di samping itu juga, KPT akan memastikan setiap IPT yang terlibat dalam program pemindahan teknologi dapat memberi manfaat kepada pembangunan kapasiti pensyarah dan

seterusnya melahirkan bakat yang diperlukan oleh negara.

Manakala, TDA yang bertindak sebagai pihak berkuasa ICP bagi perolehan Kerajaan akan memberikan khidmat nasihat serta memacu kerjasama strategik antara IPT dan industri.

Selain itu TDA juga mempunyai keupayaan untuk melihat jurang atau cabaran di dalam industri dan teknologi yang perlu diberikan perhatian oleh IPT.

KPT melihat kerjasama ini berupaya untuk membawa pemindahan teknologi dan kepakaran industri serta memberi dimensi baharu dalam pembangunan bakat tempatan.

Ia juga memberi suatu nilai tambah yang besar kepada KPT dalam melonjak kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan teknologi watan oleh IPT.





UTHM tuan rumah Pertandingan Debat Alam Sekitar, USM raih gelaran juara

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada tahun ini terpilih menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institut Pendidikan Tinggi (IPT) kali ke-29 anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang diadakan bermula pada 19 hingga 27 Ogos 2023.

Penganjuran pertandingan debat alam sekitar yang hampir menginjak usia jubli Intan itu turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Untuk rekod, pertandingan debat itu merupakan pertandingan debat tertua di Malaysia yang mula dilaksanakan sejak tahun 1986.

Pertandingan kali ini menyaksikan Universiti Sains Malaysia (USM) meraih gelaran juara apabila berjaya menumpaskan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ketika berentap di pertandingan akhir yang berlangsung pada 27 Ogos 2023 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk UTHM.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, JAS, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar hadir menyempurnakan majlis perasmian penutup sekali gus menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Dato' Abdul Latiff dalam ucapannya berkata objektif utama pertandingan itu adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu

dan dasar alam sekitar di peringkat nasional mahupun antarabangsa di samping mencungkil bakat berdebat dalam kalangan pelajar IPT.

"Pertandingan ini juga sebagai usaha berterusan bagi memulihara alam sekitar selain untuk meningkatkan kesedaran umum tentang isu alam sekitar yang harus ditangani bersama," katanya.

Sementara itu pengarah program, Prof. Madya Ts. Dr. Suliadi Firdaus Sufahani pula berkata pertandingan debat kali ke-29 itu berjaya menarik penyertaan 30 pasukan yang terdiri daripada 19 universiti awam, enam universiti swasta dan lima institut pendidikan guru menjadikan jumlah pendebat adalah seramai 120 orang.

"Pertandingan pada kali ini dijalankan mengikut norma baharu dengan pendekatan hibrid iaitu pusingan awal dilaksanakan secara dalam talian pada 19 dan 20 Ogos 2023.

"Manakala pusingan suku akhir, separuh akhir dan akhir dijalankan secara bersemuka pada 25 hingga 27 Ogos 2023," jelas beliau.

Turut hadir ke pertandingan akhir, Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UTHM, Prof. Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Hj. Ismail merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM).



UTHM dan STMicroelectronics jalin kerjasama tubuh Makmal IoT untuk warga universiti

PAGOH, 14 Ogos 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah bekerjasama dengan Syarikat STMicroelectronics Sdn. Bhd. menubuhkan Makmal Internet of Things (IoT) untuk kegunaan warga universiti.

UTHM dan STMicroelectronics hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai simbolik kepada kerjasama tersebut sekali gus melancarkan Makmal IoT yang ditempatkan di FTK, UTHM Kampus Pagoh.

MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim manakala STMicroelectronics pula diwakili oleh Pengurus Besar STMicroelectronics Muar, Tan Chun Sheng.

Kerjasama tersebut meliputi pelbagai bidang termasuklah menubuhkan makmal IoT yang dilengkapi dengan peralatan dan teknologi bertaraf dunia daripada produk STM32 yang dikeluarkan oleh STMicroelectronics.

Penubuhan Makmal IoT di bawah tajaan STMicroelectronics itu menjadi satu capaian penting dalam memajukan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di UTHM khususnya dan masyarakat Muar amnya.

Prof. Ruzairi dalam ucapannya berterima kasih kepada pihak STMicroelectronics kerana kerjasama tersebut didapati dapat membuka peluang kepada penyelidik UTHM untuk menyumbang idea dan tenaga mereka khususnya dalam pembangunan sistem aplikasi pintar.

Tambah beliau, tanpa input profesional, sokongan kolaboratif dan maklum balas daripada pihak industri, kakitangan akademik tidak dapat berkongsi dengan pelajar berkaitan trend terkini, statistik, amalan, permintaan dan dasar yang diamalkan oleh industri.

Sementara itu, Tan Chun Sheng dalam ucapannya melahirkan hasrat untuk menjadikan makmal yang dibangunkan itu sebagai pusat latihan sijil profesional khusus untuk warga pendidik sekitar Muar dan juga kakitangan ST Microelectronics.

Beliau turut mengakui pentingnya peranan pendidik dalam memastikan penyampaian informasi yang tepat dan penggunaan teknologi IoT yang betul kepada pelajar.

“Makmal tersebut juga memberi peluang kepada pelajar UTHM dan komuniti Muar untuk belajar dan menguasai teknologi terkini dalam dunia IoT.



“Penggunaan produk STM32 dalam pembangunan makmal itu membolehkan pelajar untuk terlibat dalam projek-projek berorientasikan praktikal,” katanya.


Untuk rekod, produk STM32 mempunyai ekosistem pembelajaran yang luas termasuklah sumber pembelajaran dalam talian, bahan rujukan dan komuniti pengguna.

Itu semua akan membantu pelajar dan penyelidik menguasai teknologi dengan lebih mudah.

Selain itu, kolaborasi itu juga akan membuka peluang kerjasama berkaitan latihan industri, pertukaran tenaga pengajar dan perkongsian pengetahuan antara kedua-dua entiti.

“Kelebihan makmal yang menggunakan teknologi STM32 ini akan membawa manfaat besar kepada pelajar, penyelidik dan industri tempatan sekali gus bakal meningkatkan kualiti pendidikan dan inovasi di Malaysia.

“Inisiatif tersebut juga membuktikan UTHM dan STMicroelectronics komited dalam memajukan bidang pendidikan dan inovasi pada era digital ini,” kata Prof. Ruzairi.





UTHM sedia ekosistem E-Dagang untuk lahirkan usahawan global

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Teknousahawan Universiti (PTU) telah menubuhkan En.Trade Hub bagi membantu melahirkan usahawan pelajar yang bergiat aktif dalam bidang jualan secara dalam talian.

Bagi mencapai matlamat tersebut, PTU telah bekerjasama dengan KGW Logistics (KGW) dan Syarikat Terbitan Universiti (STU), Infinite Victory Consultancy Sdn Bhd (IVCSB) setelah temerainya satu memorandum perjanjian (MoA) yang diadakan pada 13 Ogos 2023 lalu.

Ketiga-tiga pihak tersebut bekerjasama menubuhkan En.Trade Hub bagi membantu universiti ini mewujudkan ekosistem E-Dagang Hub yang lengkap di PTU.

Penubuhan En.Trade Hub bertujuan untuk membantu pelajar membina kerjaya dalam bidang jualan secara dalam talian terutamanya dalam pasaran antarabangsa seperti eBay, Amazon, Etsy, Grailed dan Shopify.

KGW, IVCSB dan PTU akan berganding bahu mewujudkan ekosistem yang lengkap bagi memberi sokongan penuh kepada pelajar

sekali gus memastikan kejayaan mereka dapat direalisasikan sepenuhnya.

Kerjasama itu turut melibatkan pemain industri utama dalam bidang logistik seperti Pos Malaysia, DHL Express, SF Express, Amilo Berhad dan Singpost bagi membantu pelajar menguruskan penghantaran produk jualan ke pasaran luar negara dengan lebih cekap.

Turut diadakan pada hari yang sama, Majlis Pelancaran En.Trade Hub yang telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim; Pengarah Pusat Teknousahawan Universiti, Dr. Nasuha Sau'de dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Hj. Ismail.

Majlis ringkas tersebut turut dihadiri pihak Matrade, MDEC, Easystore, Maxis Bisnes dan TikTok bagi memberi sokongan penuh dalam memenuhi keperluan Syarikat Pemula Mahasiswa yang bakal melahirkan usahawan di peringkat global.

Menurut Pengarah PTU, Dr. Nasuha Sau'de sebagai permulaan, 100 pelajar UTHM sedang dilatih secara berperingkat untuk berniaga di eBay, Amazon, Etsy dan Grailed.

Tambah beliau, apabila pelajar berjaya menguasai pasaran platform E-Dagang antarabangsa, lebih mudah bagi mereka untuk memasarkan produk tempatan ke pasaran luar negara.

"Mereka akan diberi latihan keusahawanan setiap bulan secara fizikal dan dalam talian di En.Trade Hub melalui pemberian subsidi daripada dana Global Techopreneur University (GTU 2030) UTHM kepada Syarikat Pemula Syarikat secara konsisten," katanya.

Program seumpama itu adalah yang pertama dijalankan di institusi pengajian tinggi di Malaysia kerana En.Trade Hub menyediakan fasiliti yang membolehkan pelajar belajar secara 'hands-on' untuk mengambil gambar produk dan merakamkan video pemasaran produk di aplikasi TikTok.

Sebahagian prasarana di dalam En.Trade Hub telahpun diperolehi menerusi Geran Penyelidikan Erasmus Capacity Building for Higher Education dari European Comission yang dikenali sebagai 'Angel Innovate Unit.'

"Inisiatif seumpama itu diambil bagi memacu UTHM ke tahap yang lebih tinggi dalam bidang keusahawanan E-Dagang antarabangsa.

"Kerjasama yang dijalinan dengan pihak industri yang pakar dalam bidang E-Dagang dan logistik dapat melahirkan generasi yang lebih berdaya saing pada masa hadapan.

"Dengan wujudnya ekosistem ini, pelajar dilatih dengan secukupnya sebagai persediaan untuk mereka menjadi usahawan peringkat global dan seterusnya menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama selepas tamat belajar," tambah Dr. Nasuha.





Pelajar Senibina UTHM raih kemenangan di Architectural Student Workshop 2023

RAWANG – Kumpulan pelajar program Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya membawa pulang dua piala kemenangan ketika menyertai pertandingan sempena berlangsungnya Architectural Student Workshop 2023 (ASW2023) pada 8 hingga 11 Ogos lalu.

ASW2023 yang ke-34 anjuran UCSI University itu menyaksikan kumpulan pelajar terbabit berjaya meraih kemenangan bagi acara *Society Rebuild* kategori *Observation Deck* dan Anugerah Khas 'Sorakan terhebat'.

Untuk rekod, ASW2023 merupakan program tahunan yang dianjurkan secara bergilir dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) yang menjalankan program Senibina di Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Pengisian utama program Rewind 34th ASW 2023 ialah pertandingan senibina yang berbentuk kreativiti dan inovasi di peringkat kebangsaan yang bertemakan "Rewind".

Beberapa kategori telah dipertandingkan antaranya *Society Rebuild: Installation*, *Videografi*, *Pertandingan Bakat: Menyanyi*, *Fotografi* dan *Pertandingan Reka Bentuk Rakit*.

Pertandingan tersebut diadakan bertujuan untuk meningkatkan daya saing pelajar dalam bidang senibina melalui penyertaan dalam pertandingan, selain memberikan pendedahan dan pengalaman baharu kepada pelajar melalui pelbagai aspek.

Program itu juga turut menyediakan pelbagai bengkel aktiviti yang komprehensif bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam aspek kesenibinaan yang bersifat kreatif, bernilai keusahawanan dan penyelesaian masalah teknikal seni bina.

Antara modul yang disediakan, *Communication Drawing*, *Conceptual Art*, *Bamboo Crafting*, *Watercolour Art*, *Leaf Weaving* dan *Graphic Illustration*.

Menurut Pensyarah Jabatan Senibina, Khairul Asyraf Mohd Rodzi, penyertaan para pelajar senibina UTHM di Rewind 34th ASW 2023 dilihat sebagai satu ruang dan peluang untuk meningkatkan kualiti hasil kerja dan kemahiran insaniah pelajar selain mempromosikan program senibina UTHM dalam kalangan IPT.

"Penyertaan itu juga memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pendedahan menyeluruh tentang industri senibina dan pembinaan daripada wakil-wakil industri, pensyarah dan pelajar lain yang berpengalaman serta memiliki kemahiran," katanya.



FKMP, UTHM raih 'Anugerah Inovasi Terbaik' di Malaysia Rocket Competition 2023

Pasukan AstroPioneers, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih Anugerah Inovasi Terbaik bagi kategori 'Universiti' ketika menyertai Malaysia Rocket Competition 2023 (MRC 2023) pada 23 dan 24 Ogos 2023 lalu.

Pertandingan yang berlangsung di Felcra Seberang Perak, Perak itu disertai lima universiti yang mempertaruhkan teknologi roket perum masing-masing.

Turut serta, sembilan sekolah menengah dari tiga negeri iaitu Selangor, Perak dan Johor.

AstroPioneers yang diketuai Muhammad Fathurrahman Mawi dianggotai oleh tujuh pelajar FKMP termasuk dua pelajar pasca siswazah.

Mereka dibimbing oleh dua pensyarah iaitu Ir. Dr. Ahmad Hamdan Ariffin dan Ts. Dr. Mohd Fadli Zulkafli.

Menurut Dr. Ahmad Hamdan, pertandingan itu diadakan bertujuan untuk memupuk minat pelajar sekolah berkaitan teknologi roket perum dan menguji kefahaman serta kemahiran pelajar universiti membangunkan teknologi roket tersebut.

Tambahbeliausebelummenyertai pertandingan, pasukan tersebut berjaya menghasilkan sendiri reka bentuk roket, sistem telemetry dan sistem payung terjun roket.

Selain itu, AstroPioneers juga berjaya membimbing pasukan Sekolah Menengah Tinggi Batu Pahat (HSBP) sehingga mampu memenangi Anugerah Tempat Pertama bagi kategori 'Sekolah'.

"Pihak kami merasa sangat gembira kerana program pemindahan ilmu bersama HSBP yang telah diadakan pada 19 Ogos 2023 lalu berjaya membuahkan hasil.

"Kejayaan ini telah memberi suntikan semangat kepada AstroPioneers dan pasukan HSBP untuk terus meneroka teknologi roket untuk manfaat negara," katanya.

Kejayaan seumpama ini memberi inspirasi kepada UTHM untuk terus komited meneroka ilmu teknologi roket, seterusnya berkongsi kepada masyarakat agar nilai keilmuan terus mekar dalam kalangan generasi muda.



SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kejujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kejujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)




JAM KREDIT






125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN





LEPASAN STPM

-  Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

-  Gred C (2.00) Matematik
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

-  Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains
Gunaan
-  Calon yang tidak memenuhi syarat
CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai
pengalaman bekerja sekurang -kurangnya
2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA

**Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data**



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR


RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030